

NUS-GE labur dalam Pusat Teknologi Air Singapura

Usaha S'pura jadi hab air maju setahap lagi dengan penubuhan pusat bernilai AS\$100 juta

USAHA Singapura menjadi sebuah hab air maju setahap lagi dengan penubuhan Pusat Teknologi Air Singapura NUS-GE.

Pusat uji kaji teknologi air bernilai AS\$100 juta (\$150 juta) itu merupakan hasil pelaburan bersama syarikat kejuruteraan dan teknologi Amerika Syarikat, GE, dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Penubuhannya bertujuan membangunkan teknologi dan mencari huraian bagi memenuhi permintaan air yang meningkat.

Bercakap semasa di sesi lawatan media ke pusat teknologi yang bertempat di NUS semalam, Pengurus Besar Rantau Asia Pasifik GE Water, Encik Kevin Cassidy, berkata pusat baru itu memberi fokus menangani pelbagai masalah berkaitan cabaran air global, termasuk memenuhi permintaan air yang melonjak tinggi di tempat-tempat seperti China, India dan Timur Tengah.

"Permintaan air global akan meningkat hampir tiga kali ganda, daripada 3.3 bilion meter padu tahun lalu kepada 8.7 bilion meter padu pada 2030. Kita perlu mencari kaedah baru bagi menampung pembangunan ini," kata Encik Cassidy.

Dengan keluasan 2,700 meter persegi, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu menempatkan beberapa makmal canggih yang mampu menghasilkan membran-membran air dan mengujinya pada sistem-sistem terkini menggunakan alat-alat unik yang tidak terdapat di mana-mana di dunia.

Meskipun kerja-kerja pe-

masangan masih dijalankan dan pusat itu dijangka siap sepenuhnya menjelang suku pertama tahun depan, kerja-kerja penyelidikan oleh lebih 30 kakitangannya sudah pun bermula.

"Apabila kita dapati ciptaan seperti membran baru boleh diuji lanjut, kami akan mula mengujinya di makmal kami dan kemudian dengan agensi-agensi air nasional seperti Lembaga Perbekalan Awam (PUB).

"Dan sekiranya ia gagal, ciptaan itu akan kembali ke makmal dan kami akan mencipta yang baru atau mengubah suainya," jelas Ketua Teknologi Serantau GE Infrastructure, Dr Steven D Kloos.

Selain itu, pusat tersebut juga mempunyai 11 makmal analisis yang mampu menjalankan kajian pada air-air yang tercemar dan mencari huraian memperbaikinya.

Oleh kerana membran dan ciptaan lain perlu dihasilkan dengan penuh teliti, suhu udara dan kadar kelembapan dalam setiap makmal dikawal rapi.

Dalam pada itu, Dr Kloos berkata langkah proaktif pemerintah Singapura dalam menangani masalah air serta mudah bekerjasama merupakan antara faktor utama negara ini dipilih bagi penubuhan pusat teknologi tersebut.

Pusat tersebut bakal dirasmikan Isnin nanti oleh Pengerusi Yayasan Penyelidikan Nasional, Dr Tony Tan; Presiden NUS, Profesor Tan Chorh Chuan; dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Presiden GE Water & Process Technologies, Encik Heiner Markhoff; sempena Minggu Air Antarabangsa Singapura yang berlangsung antara 22 dengan 26 Jun nanti.